

Negara perlu rakyat fasih Bahasa Inggeris

(D)

ARAU, Isnin — Malaysia memerlukan rakyat yang fasih menguasai Bahasa Inggeris supaya terus dihormati dan dikenali di peringkat antarabangsa, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil meminta rakyat mengikis sikap fanatik terhadap Bahasa Melayu, Perdana Menteri berkata: "Kita tidak boleh mengongkang diri, sebaliknya perlu berhubung dengan negara lain untuk menjual barangan keluaran Malaysia atau menandatangani apa jua perjanjian.

"Untuk itu, rakyat perlu fasih menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa, termasuk Bahasa Inggeris."

Berucap di hadapan lebih 3,000 pelajar dan guru di Sekolah Menengah Datuk Sheikh Ahmad di sini sempena lawatan seharinya ke Perlis hari ini, Perdana Menteri berkata bagaimanapun, ini bukan bermakna kerajaan mahu mendewasakan Bahasa Inggeris.

"Kita sayang bahasa kita dan mahu penggunaannya dipertingkatkan sepanjang masa supaya dimuliakan dan diterima oleh semua pihak.

"Malah, generasi saya mem-

26 JUN 1990

perjuangkan kedaulatan Bahasa Kebangsaan lebih awal daripada golongan yang melemparkan kritikan apabila kerajaan menyuruh rakyat mempelajari Bahasa Inggeris," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus menerima hakikat bahawa Bahasa Inggeris penting dan digunakan secara meluas dalam menjalankan pelbagai tugas, terutama di peringkat antarabangsa.

Beliau memberi contoh, dalam Sidang Puncak Pertama Kumpulan 15 (G-15) mengenai Perundingan dan Kerjasama Selatan-Selatan baru-baru ini, sesetengah perwakilan tidak memahami Bahasa Inggeris, tetapi persetujuan dicapai bahawa semua keputusan mesti dibuat dalam bahasa itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara juga tidak mungkin dapat menyediakan jurubahasa atau menterjemahkan buku-buku Inggeris ke dalam Bahasa Melayu, jika semua penduduknya tidak memahami bahasa berkenaan.

Beliau berharap generasi sekarang yang kebanyakannya kurang memahami Bahasa Inggeris, belajar menguasai bahasa berkenaan, selain men-

daulatkan Bahasa Melayu.

Di majlis itu, Perdana Menteri menasihatkan pelajar supaya memilih bidang yang sesuai dengan kehendak serta keperluan masyarakat dan negara.

"Jika kita memilih berdasarkan minat saja atau hendak yang senang, kita akan menghadapi kesukaran mencari pekerjaan dan mengambil alih tugas atau kepemimpinan negara pada masa depan," katanya.

Perdana Menteri berharap guru turut membantu murid membuat pilihan tepat selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat terpelajar yang dapat menyesuaikan diri dengan keperluan negara.

Menurutnya, generasi akan datang mesti menyediakan diri untuk memasuki sektor perindustrian kerana cara ini saja dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menambah kekayaan negara.

"Sebab itu, kerajaan memasukkan aspek kecekapan penguasaan tangan dan kehidupan dalam mata pelajaran di sekolah selaras dengan kemajuan teknologi moden," kata Perdana Menteri.